

SALAFIYAH JIHADIYAH: FAHAMAN JEMAAH ISLAMIYAH (JI) DAN ANCAMANNYA KEPADA KESELAMATAN NEGARA MALAYSIA

**Ab. Rahman Haji Ismail
Tan Keat Siang
dan
Saifullizan bin Ishak**

ABSTRACT

This paper describes the strong belief of Salafiyah Jihadiyah upheld by the Jemaah Islamiyah (JI) members, the indoctrination process of JI belief and their threat to national security. The significant findings of the study shows that JI members are being practiced and implemented as the only way in establishing an Islamic state is through preaching – faith - migrate (hijrah) - war (jihad). They belief that war (jihad) is the fight against the non-believers which is termed as the enemy and it is a real time obligation. JI practices the principles of al-wala' wa al-bar'a' (friends and enemies). Eventhough a true Islamic state is still non-existence and the struggle to establish and Islamic state is obligatory. The bombing operations, suicide bomber missions, and other acts of violence including if necessary the killing of civilians is deemed to be allowed in Islam. Such actions are considered as a jihad operation and JI members who sacrifice their lives are considered as martyrs. Jihad (war) is considered as an act that is defensive and offensive. Therefore all the existing governing systems may it be parliamentary democracy or electoral system is termed to be kufur (initiated by non-believers)and should be opposed. Based on those Salafiyah Jihadiyah belief, they are convinced that all acts of violence is to achieve the objective of jihad which is a sacred struggle to defend and uphold Islam, an obligation which is highly rewarded in the afterlife, that is as martyrs. With this understanding of JI belief in Salafiyah Jihadiyah and their commitments in the acts of violence, undoubtedly JI is a real threat to political stability.

Keywords: Ideology of Salafiyah Jihadiyah, Application, Recruiting, Threats to National Security

Pengenalan

Sekitar tahun 2000, Malaysia dikejutkan dengan pembongkaran kewujudan kumpulan militan yang lebih besar dan lebih bahaya, iaitu kumpulan Jemaah Islamiah (JI). Seterusnya kumpulan JI yang diasaskan oleh Abdullah Sungkar dan Abu Bakar Basyir pada tahun 1993 merupakan gerakan Islam bawah tanah yang paling besar, paling tersusun dari

segi organisasinya dan paling banyak melakukan tindakan keganasan di rantau ini (Mohd Huzsaire, 2005 dan Kumar, 2004). JI juga telah dimasukkan ke dalam senarai keselamatan Amerika Syarikat sebagai kumpulan *terrorist* yang paling memberi ancaman di rantau ini (*US Department of State*, 2004). Antara tindakan keganasan yang dilakukan oleh kumpulan JI adalah seperti pembunuhan, penculikan, merampas senjata api, menyerang balai polis, melakukan serangan bom dan serangan berani mati ke atas tempat-tempat kepentingan awam seperti di pusat peranginan Bali, Indonesia (November 2002), Hotel J.W. Marriot, Jakarta (Ogos 2003), Pusat Makanan Laut, Bali (Oktober 2005) dan beberapa tempat yang lain lagi. Menurut Kumar (2004, 2005) dan ICG Report (2004), tindakan keganasan yang dilakukan oleh JI adalah berpunca daripada fahaman Salafiyah Jihadiyah yang diyakini oleh mereka. Fahaman *Salafiyah Jihadiyah* inilah yang mengubah pendirian seseorang anggota kumpulan JI bertindak ‘ganas’ atas alasan melaksanakan jihad suci demi membela agama Islam. Kumpulan JI mendakwa perjuangan mereka adalah perjuangan suci untuk menegakkan sebuah negara Islam di rantau ini dan seterusnya berusaha untuk menegakkan khalifah Islam di bumi ini (Poer, 2003, dan Government of Singapore, 2004).

Oleh itu, artikel ini akan menjelaskan mengenai fahaman *Salafiyah Jihadiyah* yang dipegang oleh anggota JI. Bagaimana proses penyemaian fahaman tersebut berjalan sehingga mampu mengubah persepsi serta keyakinan anggotanya untuk melakukan tindakan keganasan semata-mata bagi memperolehi fadilat berjihad. Seterusnya kajian ini akan menjelaskan bagaimana fahaman tersebut melahirkan program dan tindakan yang boleh memberikan ancaman kepada keselamatan negara.

Fahaman Salafi dan *Salafiyah Jihadiyah*

Menurut Oliver (2003) dan ICG Report (2004), perkataan Salafi berasal daripada perkataan Arab, iaitu *salaf* yang bermaksud ‘orang-orang terdahulu’ atau merujuk kepada umat Islam pada zaman Rasulullah SAW, zaman sahabat-sahabat (*tabi'in*) dan zaman (*tabi'in-tabi'in*). Fahaman Salafi bermaksud fahaman Islam yang dianuti oleh umat Islam pada tiga zaman tersebut (sekitar 300 tahun sejak zaman Rasulullah SAW) yang didakwa sebagai fahaman Islam yang asli, murni dan bersih daripada fahaman yang sesat, bidaah, kurafat dan penyelewengan daripada fahaman Islam yang dibawa oleh Rasulullah SAW. Pegangan ini berdasarkan hadis

Rasulullah SAW yang bermaksud: "*Kurun (masa) terbaik adalah kurun ku, kemudian sesudah ku dan kemudian sesudah ku*" (Riwayat Bukhari dan Muslim). Oleh itu, dapatlah disimpulkan bahawa gerakan Salafi adalah gerakan Islam yang berjuang untuk mengembalikan kemurniaan Islam seperti yang diamalkan oleh *sola fussoleh* atau tiga kurun terbaik mengikut hadis di atas.

Sementara itu, *Salafiyah Jihadiyah* selalu dirujuk oleh pakar-pakar keganasan sebagai *neo-salafi*, *salafi jihadi*, *Islamist* (Kumar, 2005). *Salafiyah Jihadiyah* bermaksud salafi yang berjihad. Secara prinsip, fahaman *Salafiyah Jihadiyah* adalah sama dengan fahaman Salafi, iaitu didakwa sebagai fahaman Islam yang dirujuk kepada tiga zaman terbaik seperti dijelaskan di atas. Cuma perbezaannya, gerakan *Salafiyah Jihadiyah* mengambil pendekatan *jihad* (perang) sebagai jalan perjuangan mereka untuk menegakkan negara Islam bagi melaksanakan syariatnya (ICG Report, 2004). Oleh itu, gerakan *Salafiyah Jihadiyah* merupakan gerakan yang berjuang untuk menegakkan Islam yang murni (dari segi akidah, ibadah dan sistem hidup/*minhajul hayah*) seperti tiga zaman terawal Islam dan menggunakan jalan jihad bersenjata untuk mencapai tujuan mereka. Gerakan ini dikatakan berakar umbi daripada fahaman yang dibawa oleh Ibnu Taimiyah (kurun ke-14) Muhamad bin Abdul Wahhab dan kemudianya diperbaharui oleh Sheikh Abdullah Azzam sekitar tahun 1980-an (Kumar, 2004).

Ideologi *Salafiyah Jihadiyah* JI

Kumpulan JI memahami bahawa perintah Allah mengenai kewajipan berjihad (perang melawan orang-orang kafir) adalah jelas berpandukan nas-nas Al-Quran yang memerintahkan untuk berjihad dan hadis-hadis Rasulullah SAW yang banyak membicarakan tentang jihad. Antara nas-nas Al-Quran tersebut adalah surah Al-Anfal: 39, surah At-Taubah: 29, 36, 41, 73 dan 123; surah An-Nisa: 74-91, surah Al-Haj: 39-40, surah Al-Baqarah: 190-193 dan lain-lain. Berdasarkan dalil-dalil yang dipelajari, kumpulan JI meyakini bahawa perjuangan mereka adalah benar kerana pemahaman jihad yang mereka yakini adalah berdasarkan tulisan-tulisan ulama mereka yang dianggap berpengetahuan seperti Sheikh Dr Abdullah Azzam, Dr Safar Hawali, Sheikh Omar Abdul Rahman dan sebagainya. Ideologi *Salafiyah Jihadiyah* yang diyakini oleh kumpulan JI dapat diringkaskan seperti berikut:

1. Umat Islam dianggap berada dalam persekitaran syirik, bidaah, sesat dan khurafat yang tebal. Mereka menganggap unsur ini wajib dibersihkan agar umat ini kembali seperti zaman terawal umat Islam iaitu Zaman Salafus Soleh.
2. Khalifah Islam tidak mungkin akan tegak kembali kecuali mengikut jalan yang pernah dilalui oleh Rasulullah SAW, iaitu melalui cara pembinaan iman, dakwah, hijrah dan jihad. Oleh itu, jalan DAKWAH-IMAN-HIJRAH-JIHAD ini adalah satu-satunya jalan yang perlu diikuti untuk mengembalikan semula khalifah Islam di muka bumi ini (Shafee, 1998 dan Usamah bin Laden, 2004). Sheikh Abdullah Azzam (1990) pula menjelaskan:

“Jalan untuk membangunkan masyarakat Islam mestilah mengikut jalan Rasulullah SAW membangunkan masyarakat Islam suatu ketika dahulu. Cara tersebut merupakan jalan yang perlu dilalui oleh semua gerakan Islam jika ingin mencapai kejayaan yang sebenar. Cara yang dimaksudkan adalah melalui iDakwah-Iman-Hijrah-Jihad”.

3. Tidak ada jalan lain bagi membela umat Islam dan mempertahankan bumi Islam yang ditakluki oleh musuh Islam, kecuali melalui jalan yang ditunjukkan oleh Rasulullah SAW dan sahabat-sahabatnya, iaitu berjihad melawan orang-orang kafir. JI memahami bahawa umat Islam kini sedang dikuasai oleh orang-orang kafir, negara-negara Islam sedang dijajah dan Islam itu sendiri sedang dimusnahkan oleh Barat (Yahudi dan Nasrani). Jihad (perang), kini adalah menjadi kewajipan kepada umat Islam sehingga semuanya bumi Islam yang pernah dikuasai dan dijajah dapat dibebaskan semula. Kewajipan jihad ini adalah sama seperti kewajipan sembahyang, puasa dan zakat (Azzam, dicatat dalam Ruthen, 2002). Dalam hal ini Sheikh Abdullah Azzam (1990) dalam buku *Tarbiyah Jihadiyah*, Jilid 2: 45 menegaskan:

“Kewajipan perang terus berlanjutan sampai engkau mati. Tetap menjadi fardhu ain sampai Andalusia dapat dibebaskan daripada cengkaman orang-orang Nasrani. Sampai kita sekali lagi merebut Kota Leningrad, Wina dan Sungai Roll di Peranchis. Negeri-negeri yang pernah diperintah dengan hukum Islam wajib dibebaskan kembali.”

Sheikh Abdullah Azzam(1990, Jilid.10:34) juga menjelaskan:

“Jihad adalah syariat yang diturunkan oleh Allah kepada umat Islam sama seperti syariat solat, puasa, zakat, haji dan kewajipan Islam yang lain. Oleh itu, jihad tidak boleh ditinggalkan. Meninggalkan

jihad adalah bermaksiat kepada Allah. Tidak ada beza orang yang meninggalkan solat, memakan riba, meminum arak dan mencuri dengan orang yang meninggalkan jihad. Bahkan, orang yang meminum arak dan tidak berpuasa di bulan Ramadan itu adalah lebih kecil dosanya berbanding dengan orang yang meninggalkan jihad yang menjadi fardhu ain sekarang ini. Sesiapa yang meninggalkan jihad akan tergolong sebagai orang yang berdosa, fasik, munafik, kehinaan dan dilaknati Allah serta dilaknati oleh makhluk Allah yang lain .”

4. Mengamalkan prinsip *Al-Wala' Wa Al-Bara'* (kawan dan musuh). Sejak kejatuhan khalifah Islam pada tahun 1924, permusuhan antara orang-orang Islam dan bukan Islam (Yahudi dan Nasrani) semakin bertambah. Permusuhan semakin bertambah apabila orang-orang Yahudi dan Nasrani yang diketuai oleh Amerika telah melakukan penjajahan, pembunuhan, penguasaan ekonomi, perkosaan, penangkapan serta berbagai kekejaman lagi ke atas umat Islam. Amerika juga bertindak menyebarluaskan kesyirikan di atas muka bumi ini. Memerangi Amerika dan sekutunya dengan apa cara sekalipun adalah satu kewajipan kerana mereka telah ‘memerangi’ umat Islam dan ‘memerangi’ Islam (Kumar, 2005).¹ Abdullah Azzam (1990, Jilid 6:119) menjelaskan:

“Permusuhan antara Islam dengan kafir jahiliyah berlaku sejak mula Rasulullah SAW menyerukan Islam kepada mereka di Mekah dan akan terus berlaku hingga hari kiamat. Permusuhan orang-orang Islam dan orang-orang kafir akan terus wujud kerana orang-orang kafir Yahudi dan Nasrani tidak pernah reda dengan agama Islam seperti firman Allah dalam Surah al-Baqarah ayat 120 dan Surah al-Maidah ayat 82. Sehubungan itu, Amerika Syarikat dan sekutunya sejak dahulu lagi dipercayai berusaha untuk mematikan syariat jihad kerana mereka percaya dengan jihad dan wujudnya khalifah Islam akan membuatkan umat Islam mulia.”

5. Memerangi orang-orang awam Amerika dan sekutunya adalah dibenarkan sebagai pembalasan yang setimpal di atas kekejaman yang mereka lakukan ke atas umat Islam. Ini bersesuaian dengan syariat Islam berdasarkan dalil Al-Quran, surah Al-Baqarah: 194 yang bermaksud: “*Barangsiapa melampaui batas maka balaslah serangan dengan seimbang*” (2:194). Sementara itu dalam surah An-Nahl pula, Allah berfirman: “*Dan*

¹ Pada tahun 1998, Osama bin Laden telah mengeluarkan fatwa yang membolehkan membunuh orang-orang Amerika sama ada di kalangan tentera mahupun warga awamnya. Fatwa tersebut telah dijadikan panduan oleh JI dan kumpulan Salafiah Jihadiyah di seluruh dunia untuk melakukan tindakan keganasan ke atas kepentingan Amerika dan sekutu-sekutunya (sila lihat Usamah bin Laden, 2004).

jika kamu mengadakan pembalasan maka balaslah dengan balasan yang setimpal dengan siksaan yang ditimpakan kepada kamu” (17:126). Sementara itu, kumpulan JI menganggap pemimpin negara Islam yang bekerjasama dengan musuh Islam (Amerika dan sekutunya) untuk memerangi Islam adalah pemimpin yang murtad dan menjadi kewajipan umat Islam untuk menggantikannya serta membunuhnya adalah harus.

6. Operasi-operasi pengeboman berani mati adalah operasi syahid dan dibenarkan kerana ini juga pernah dilakukan pada zaman Rasulullah SAW (Imam Samudra, 2004). Dalam hal ini, Sheikh Abdullah Azzam (1990 Jilid 10:37) menjelaskan:

“Kehormatan, harta benda, darah dan jiwa orang-orang Islam wajib dijaga. Jika ada seorang wanita di bahagian bumi ditawan musuh, maka wajib bagi kaum Muslimin membebaskannya. Oleh itu, menjadi kewajipan umat Islam menyelamatkan wanita-wanita Afghanistan yang ditawan oleh tentera Rusia, ribuan wanita Muslimah di Bosnia dinodai kehormatan mereka dan wajib bagi umat Islam membantu mereka yang berjihad. Namun, jika terdapat orang-orang awam Islam yang ditawan dan dijadikan perisai manusia, maka para fukhaha memberikan fatwa diharuskan membunuh orang-orang Islam yang dijadikan perisai tersebut demi untuk mencapai tujuan jihad, iaitu mengalahkan musuh Allah dan memenangkan Dien (agama) Islam.”

7. JI memahami bahawa jihad itu bukan hanya berperang untuk mempertahankan diri ketika musuh menyerang (jihad defensif), tetapi termasuk juga melakukan serangan terhadap musuh terlebih dahulu (jihad offensif).² Hal ini dijelaskan oleh Sheikh Abdullah Azzam (1990, Jilid 2:31):

“Jihad bukan sahaja sekadar mempertahankan diri, mengusir musuh yang menjajah bumi umat Islam malah jihad menjadi tugas yang wajib bagi setiap umat Islam dan akan terus berlaku sehingga hari kiamat. Oleh itu, perang secara ofensif juga termasuk dalam amalan jihad yang diperintahkan oleh Allah.”

² Mukhlis @ Ali Ghufran dalam manuskripnya, “Jihad Bom Bali: Sebuah Pembelaan” menyelar orang-orang yang tidak berjihad dan kumpulan yang mengaku dirinya sebagai Salafi tetapi menolak jalan jihad perang dalam perjuangan mereka. Kumpulan Salafi begini diistilahkan oleh beliau sebagai ‘Salafi Sufi’. Mukhlis juga menyatakan bahawa jihad termasuk menyerang dan bertahan (defensif dan ofensif) malah menurut beliau, dalam taktik peperangan, cara bertahan yang baik adalah dengan melakukan serangan. Rujuk ICG Report, No. 83, 2004. hal. 25.

8. JI memahami bahawa negara Islam sebenar masih belum wujud. Menurut JI, negara Islam yang ada pada hari ini hanyalah negara yang diperintah oleh orang-orang Islam, tetapi sistemnya masih menggunakan sistem bukan Islam. Malah undang-undang yang dilaksanakan juga tidak menggunakan syariat Islam, sebaliknya menggunakan undang-undang sekular atau undang-undang yang masih bercampur-campur. Semua sistem yang tidak mengikut Islam adalah *batil* (kufur). Sistem demokrasi, sosialis, kapitalis, nasionalis, Pancasila dan lain-lain yang bertentangan dengan Islam dan diamalkan di negara Islam adalah sistem yang tidak diterima oleh Allah dan semuanya memusnahkan (Imam Samudra, 2004). Oleh itu, berjuang untuk menegakkan negara Islam adalah satu kewajipan kepada semua umat Islam (Kumar, 2005). Sheikh Abdullah Azzam (1990, Jilid 8) menjelaskan:

“Barangsiapa yang menetapkan hukum selain daripada hukum Allah, maka ia akan menjadi kafir dan keluar daripada Islam. Pemimpin negara umat Islam sekarang ini tidak mengutamakan hukum Allah sebaliknya mengutamakan undang-undang ciptaan manusia (Barat) untuk memutuskan semua perkara. Negara umat Islam yang mengamalkan undang-undang buatan manusia (yang dicampur-adukkan antara ajaran Yahudi, Nasrani dengan Islam- hukum ‘Ilyasiq’) sama lah dengan kerajaan Islam Monggol satu ketika dulu yang mengamalkan hukum ‘Ilyasiq’. Negara yang mengamalkan hukum ‘Ilyasiq’ bukanlah negara Islam kerana mengamalkan hukum buatan manusia bukannya hukum Allah berpandukan Al-Quran dan Hadis.”

Berdasarkan hujah yang diberikan oleh Sheikh Abdullah Azzam (1990) dalam *Tarbiyah Jihadiyah*, kumpulan *Salafiyah Jihadiyah* termasuk JI telah mengkafirkan pemerintah Islam yang menggunakan undang-undang sekular atau bersumberkan undang-undang Barat yang tidak berdasarkan Al-Quran dan as-Sunnah dalam pemerintahan negara.

Proses Penerapan Ideologi *Salafiyah Jihadiyah* Dalam JI

Penerapan ideologi *Salafiyah Jihadiyah* bermula melalui kelas-kelas pengajian agama yang dianjurkan oleh JI. Proses menanamkan ideologi *Salafiyah Jihadiyah* dalam JI mengambil masa yang lama kerana seseorang itu akan melalui beberapa peringkat sebelum diterima masuk menjadi anggota JI. Ini mengambil masa satu (1) hingga satu setengah (1½) tahun sebelum direkrut menjadi anggota JI dan mengikuti program khusus dalam JI.

Proses pengrekrutan anggota baru JI dilakukan melalui empat tahap utama, iaitu *tabligh*, *ta’lim* atau *tamrin*, *tarbiyah* dan *tamhes*. Proses ini dibuat melalui kelas-kelas pengajian agama secara khusus dalam kumpulan yang kecil (*halaqah* atau *usrah*). Dalam *halaqah* atau *usrah* tersebut, anggota akan dibimbing oleh seorang pembimbing yang dipanggil *murabbi* (Nasir Abas, 2005). Seterusnya *Tabligh* (penyampaian dakwah) pula merupakan kelas-kelas pengajian agama yang dikendalikan oleh JI yang diadakan secara umum, tetapi di tempat-tempat yang lebih tertutup dan dijalankan dalam kumpulan yang lebih kecil. Pengajian agama yang diajarkan masih bersifat umum dengan menerapkan fahaman JI sedikit demi sedikit.

Ta’lim atau *tamrin* adalah kelas pengajian agama yang bersifat lebih khusus. Biasanya anggota *tamrin* dipilih daripada individu yang mengikuti kelas pengajian umum JI yang dikumpulkan dalam kumpulan-kumpulan untuk di ‘*tamrin*’kan. Program *tamrin* sebenarnya adalah program yang dibuat untuk mendalami asas-asas Islam dan mempunyai silibus serta tajuk-tajuk yang khusus untuk dipelajari. Pada peringkat inilah fahaman JI mula ditanamkan kepada seseorang dan yang mengikuti kelas *tamrin* merupakan mereka yang berpotensi untuk direkrut menjadi anggota JI atau sekurang-kurangnya menjadi individu yang bersimpati dengan perjuangan JI ataupun individu yang menyokong JI. Kelas-kelas *tamrin* diadakan di rumah-rumah secara ‘tersembunyi’ atau di tempat-tempat lain yang sesuai (*Government of Singapore*, 2003).

Program *tarbiyah* (pendidikan dan latihan mental serta fizikal) adalah program yang dibuat untuk memantapkan pengetahuan agama seseorang yang telah dipilih untuk mengikuti program *tamrin*. Sebenarnya, melalui program *tarbiyah* tersebut, seseorang itu mula dibentuk untuk menjadi anggota JI yang baik dan taat serta merasai kehidupan dalam sebuah jemaah Islam.

Sementara itu, peringkat *tamhes* (penyaringan) adalah peringkat penapisan anggota sebelum diserapkan menjadi anggota JI atau sebelum seseorang yang melalui tiga (3) proses rekrutmen di atas dan *dibai’ah* menjadi anggota JI. Proses *tamhes* merupakan proses yang penting bagi memastikan seseorang itu memasuki JI secara sedar serta memang bersungguh-sungguh untuk memperjuangkan Islam dan untuk memastikan tidak ada anggota-anggota yang mengkhianati JI dari dalam (tiada

musuh yang menyusup masuk). Setelah peserta disaring, diuji cuba, termasuk diuji bakat serta keupayaan mereka, kemudian mereka akan *dibai'ah* (ikrar taat setia) untuk menjadi anggota yang akan mendengar dan mentaati arahan pemimpin JI (Abd. Aziz, 2009).

Selepas menjadi anggota JI maka bermulalah proses untuk mempersiapkan seseorang itu menjadi mujahid, yang sanggup berkorban segalanya termasuk jiwa mereka demi menegakkan Islam. Proses ini adalah untuk mempersiapkan setiap anggota JI melaksanakan jihad *fisabilillah*. Anggota JI akan dimasukkan ke dalam kumpulan-kumpulan kecil yang dinamakan *fiah* (Nasir Abas, 2005). Melalui kumpulan kecil ini, mereka akan menjalani program-program JI secara tertutup, iaitu program yang dihadiri oleh anggota JI sahaja. Prinsip yang ditekankan dalam pembinaan anggota JI adalah mendengar dan mentaati, iaitu mendengar perintah dan arahan pemimpin serta mentaatinya. Anggota JI dilatih supaya memberi kepercayaan penuh kepada pemimpin JI pada semua peringkat dan tidak banyak bertanya. Mereka juga diajar mengenai prinsip *tanzim sirri*, iaitu cara-cara untuk menjaga kerahsiaan jemaah, prinsip untuk bergerak secara rahsia, menggunakan kod-kod tertentu dalam berkomunikasi dan menggunakan nama samaran yang sentiasa ditukar-tukar apabila berada di suatu tempat yang berlainan. Pembinaan secara kumpulan dan dilakukan secara tertutup dengan mementingkan ikatan yang kuat sesama mereka, menjadikan setiap anggota JI lebih taksub kepada kumpulan mereka (Abd. Aziz, 2009).

Individu yang mudah terpengaruh kebanyakannya terdiri daripada mereka yang mempunyai pengetahuan agama yang cetek, terutamanya daripada aliran akademik (Kumar, 2004). Apabila mereka mempunyai keinginan yang kuat untuk mendalami ilmu agama bagi memenuhi kekosongan jiwa yang dirasakan, mereka akan berusaha untuk mencari guru agama. Apabila mereka mula terpengaruh untuk mengikuti kelas-kelas pengajian agama JI, sedikit demi sedikit ideologi JI mula meresapi minda mereka. Setelah menjadi anggota JI, keyakinan mereka menjadi semakin subur dengan adanya proses pengajian bab jihad yang berterusan sehingga menimbulkan semangat dan motivasi untuk terus melakukan jihad. Dalam kelas-kelas pengajian agama (*halaqah* atau *usrath*), uztaz-uztaz JI sentiasa membacakan nas-nas al-Quran seperti dalam surah al-Anfal, at-Taubah, al-Hujurat dan lain-lain mengenai kewajipan berjihad. Contohnya:

“Perangilah mereka sehingga tidak ada fitnah dan Dien ini menjadi milik Allah”. (Al-Anfal: 29)

“Orang-orang yang beriman hanyalah percaya kepada Allah dan RasulNya, kemudian mereka tidak ragu-ragu dan mereka berjihad (berperang) di jalan Allah dengan harta dan jiwa mereka. Itulah orang-orang yang benar”. (Al-Hujurat: 15)

“Pokok segala urusan ialah Islam, tiangnya solat dan puncaknya adalah jihad (perang) fisabilillah”. (Hadis riwayat Bukhari dan Muslim)

Begitu juga dengan hadis-hadis mengenai kelebihan berjihad dan mati syahid. Contohnya:

“Orang yang mati syahid tidak merasakan sentuhan kematian melainkan hanya seperti salah seorang di antara kalian merasakan dicubit”
(Riwayat At-Tarmizi, An-Nasa'i, Ibnu Majah dan Ibnu Hibban)

“Sesungguhnya orang yang mati syahid akan memperolehi tujuh hal di sisi Allah: 1) Diampuni dosa-dosanya pada saat pertama kali tertetes darahnya. 2) Melihat tempat tinggalnya di syurga. 3) Dikenakan padanya pakaian iman. 4) Diberi perlindungan dari seksa kubur. 5) Aman dari ketakutan besar pada hari kiamat. 6) Diletakkan di atas kepalanya makhota keagungan, yang satu permata yakut dari makhota tersebut lebih baik dari dunia dan seisinya, serta dikahwinkan dengan tujuh puluh dua bidadari syurga. 7) Dan dapat memberikan syafaat kepada tujuh puluh orang kerabat karibnya.”
(Riwayat Ahmad dan Thabrani)

“Diampunkan bagi orang-orang yang mati syahid dari semua dosanya, kecuali hutang.” (Riwayat Muslim dan Ahmad)

Penerangan dan pengajian mengenai nas-nas al-Quran dan Hadis mengenai kelebihan jihad dan mati syahid seperti yang dinyatakan, benar-benar memberikan satu keyakinan bahawa itulah satu-satu jalan yang benar dalam perjuangan menegakkan Islam dan memberikan semangat kepada anggota JI untuk ikut sama dalam berjihad sama ada dari segi harta maupun jiwa, demi mengharapkan mati syahid. Kumpulan ini sengaja memanipulasi hadis di atas supaya para pengikut mereka begitu yakin dan bersemangat untuk meneruskan agenda jihad kumpulan mereka. Terdapat beberapa faktor yang mendorong untuk seseorang itu mudah terpengaruh dengan ideologi JI. Antaranya adalah keperibadian uztaz-uztaz JI yang sentiasa menunjukkan contoh berdasarkan apa yang

diajarkan. Di samping itu metodologi pengajian Salafi yang memberikan dalil-dalil yang meyakinkan bagi setiap hukum Islam yang dijelaskan sehingga mendatangkan keyakinan. Begitu juga program-program yang disusun dalam JI yang boleh meningkatkan keyakinan anggotanya, seperti pergaulan dengan anggota kumpulan *Salafiyah Jihadiyah* lain di luar negara seperti di Afghanistan, Indonesia, Singapura, selatan Thailand, selatan Filipina dan beberapa tempat lain yang sedang menghadapi perperangan sehingga menimbulkan keyakinan mengenai perjuangan mereka.

Ancaman Ideologi JI

Berdasarkan keyakinan yang begitu tinggi, seseorang anggota militan JI sanggup melakukan segalanya sama ada membunuh, menculik, melakukan pengeboman, menjadi anggota pengebom berani mati atau keganasan-keganasan lain semata-mata ingin mendapatkan ‘mati syahid’ dan melaksanakan agenda jihad yang suci untuk menegakkan Islam. Mereka benar-benar meyakini bahawa jihad adalah kemuncak amalan dalam Islam. Hidup ini tidak bermakna jika seseorang tidak berusaha untuk berjihad melawan musuh Allah dan mencari syahid (Abdullah Azzam, 1990). Oleh itu, anggota JI tidak sama sekali merasa bersalah, atau merasa takut untuk menghadapi kematian, malah menjadikan kematian dalam membela Islam itu sebagai satu yang dicita-citakan. Berdasarkan keyakinan tersebut, ideologi *Salafiyah Jihadiyah* yang dipegang oleh JI akan memberikan ancaman kepada negara kerana:

1. Kumpulan JI dan kumpulan lain yang sama (KMM) mempunyai ideologi, matlamat dan jaringan yang sama akan terus memilih jalan jihad bersenjata sehingga mereka dapat menegakkan negara Islam di negara ini. Mereka juga akan menentang sesiapa sahaja termasuk orang Islam sendiri bagi mencapai matlamat tersebut. Kumpulan *Salafiyah Jihadiyah* sama ada JI, KMM atau kumpulan militan lain di rantau ini tidak mengiktiraf kerajaan Malaysia sebagai kerajaan Islam. Mereka menganggap Malaysia adalah sebuah negara sekular kerana tidak menjalankan pemerintahan berdasarkan hukum-hakam yang diputuskan oleh al-Quran dan Hadis. Kumpulan tersebut meyakini bahawa pemerintahan Islam hanya dapat ditegakkan melalui jalan jihad (perang) dan mereka membuat perancangan untuk menumbangkan kerajaan melalui kekerasan senjata (M.Musa, 2008).

2. Kumpulan JI berpegang teguh kepada fatwa Abdullah Azzan dan Osama Laden (1998) untuk terus melaksanakan agenda jihad global dengan menyerang kepentingan Amerika Syarikat dan sekutunya di rantau ini. Perancangan JI untuk mengebom beberapa premis dan bangunan seperti stesyen LRT, sekolah antarabangsa, tempat penginapan dan beberapa tempat lagi yang menjadi tumpuan warga Barat. Ini termasuklah mengebom warga Amerika di Singapura pada tahun 2001 yang merupakan antara tindakan yang dilakukan oleh JI untuk melaksanakan fatwa tersebut. Tindakan keganasan seperti ini akan memberikan impak serius kepada ekonomi negara yang banyak bergantung kepada sektor pelancongan dan pelaburan asing kerana keadaan ini akan menimbulkan rasa takut kepada warga asing untuk melabur dan mengunjungi negara ini (Abd. Aziz, 2009).
3. Tindakan JI membunuh musuh Islam melalui pengebom berani mati bukan sahaja bertentangan dengan nilai-nilai Islam yang sederhana, malah perbuatan ini adalah di luar batas kemanusiaan dan merosakkan harta benda. Contohnya operasi pengeboman berani mati di *Sari Club* dan *Paddy's Café*, di Bali, Indonesia pada Oktober 2002 mengorbankan 202 orang awam. Seterusnya beberapa siri pengeboman berani mati terus dilakukan, iaitu di Hotel J.W. Marriot, Jakarta pada Ogos 2003 yang mengorbankan 12 orang dan mencederakan 150 orang lain. Seterusnya di Kedutaan Australia, Jakarta pada September 2004 pula menyebabkan sembilan (9) orang terbunuh dan 153 orang cedera dan di Pusat Makanan Laut Bali, Indonesia menyebabkan 22 terbunuh dan 146 orang cedera, iaitu pada Oktober 2005. Keadaan ini akan memberikan pelbagai impak kepada negara daripada segi ekonomi, politik, hubungan antarabangsa dan masalah sosial serta boleh menjelaskan perancangan dan perlaksanaan dasar-dasar pembangunan yang dirancang oleh kerajaan (Abd. Aziz, 2009).
4. Jika ideologi JI (*Salafiyah Jihadiyah*) ini dibiarkan berkembang akan mempengaruhi rakyat beragama Islam di negara ini untuk menumbangkan kerajaan melalui gerakan bersenjata, malah akan menimbulkan ketegangan antara kaum. Melalui ideologi *Salafiyah Jihadiyah* yang dipegang oleh JI, mereka akan mananamkan sikap permusuhan antara orang Islam dan bukan Islam di negara ini berdasarkan kepada fatwa-fatwa yang dikeluarkan oleh para ulama

kumpulan *Salafiyah Jihadiyah*. Hal ini jelas berlaku apabila pemimpin JI berjaya menyemai ideologi jihad JI kepada kumpulan Militan Malaysia (KMM). Keadaan ini telah menyebabkan anggota KMM mula memandang kerajaan Malaysia sebagai pemerintah sekular yang perlu ditentang dengan kekuatan bersenjata. Anggota KMM juga mula membenci orang-orang bukan Islam di negara ini serta mula menyusun program untuk melakukan berbagai-bagai tindakan jihad seperti pembunuhan terhadap orang bukan Islam yang dianggap cuba memurtadkan umat Islam, melakukan pengeboman ke atas tempat ibadah orang bukan Islam seperti kuil Hindu, melakukan rompakan bank milik orang bukan Islam dan beberapa tindakan keganasan lain lagi (M.Musa, 2008).

5. Anggota-anggota JI adalah terlatih, mempunyai kemahiran yang tinggi dalam bidang ketenteraan seperti kepakaran membuat bom tahap skala besar, senjata biologi (*anthrax*) dan berkeupayaan melakukan operasi keganasan bersenjata, serangan biologikal, menjadi pengebom berani mati dan lain-lain yang boleh memberikan kesan kemusnahan yang besar kepada keselamatan negara, walaupun hanya dilakukan oleh beberapa individu sahaja. Contohnya, Dr. Azhari dan Fathul Rahman Al-Ghozi merupakan anggota JI yang mempunyai kemahiran membuat bom tahap skala besar sebagai hasil daripada latihan yang diterima dari kem latihan tentera al-Qaeda di Afghanistan. Yazid Syufaat pula merupakan anggota JI yang mempunyai kemahiran untuk membuat '*anthrax*' dan beliau ditugaskan untuk menubuhkan makmal '*anthrax*' di kawasan Asia Tenggara sebagai persiapan untuk melakukan serangan biologi ke atas kepentingan Barat di rantau ini dan beberapa kawasan lain yang dikenal pasti (Abd. Aziz, 2009).
6. Anggota JI dan kumpulan *Salafiyah Jihadiyah* yang lain mempunyai fikrah yang sama dan mereka boleh bergabung untuk menjadi satu kumpulan *Salafiyah Jihadiyah* yang lebih besar dan lebih bahaya di rantau ini. Mereka juga boleh membuat jaringan dan hubungan dengan kumpulan *Salafiyah Jihadiyah* lain dari luar negara. Sebagai contoh, JI pernah bekerjasama dengan anggota MILF untuk melakukan beberapa operasi jihad di Selatan Filipina. Antaranya melakukan pengeboman ke atas lapangan Terbang Davao pada Mac 2003. Di samping itu anggota JI turut membantu anggota kumpulan Abu

Sayaf untuk melakukan pengeboman di City Fitmat, General Santos, Selatan Filipina pada tahun 2002 serta melatih beberapa anggota kumpulan Abu Sayaf mengenai cara-cara untuk membuat bom pada tahun 2003. Selain itu, JI juga pernah mengadakan kerjasama dengan kumpulan DI di Selatan Sulawesi untuk melakukan beberapa operasi pengeboman di kawasan tersebut pada tahun 2002, bekerjasama dengan anggota *Kumpulan Askari Jemaah Salafi Thailand* untuk membuat peninjauan bagi melakukan beberapa pengeboman di Thailand, serta beberapa kerjasama dengan kumpulan al-Qaeda, MILF, kumpulan Abu Sayaf dan beberapa fraksi kumpulan DI yang lain (Abd. Aziz, 2009).

Kesimpulan

Kegiatan keganasan yang dilakukan oleh JI adalah berdasarkan ideologi jihad global *Salafiah Jihadiyah*. Kefahaman dan keyakinan oleh kumpulan JI mengenai prinsip perjuangan untuk menegakkan Daulah Islam adalah berbeza dengan kefahaman kumpulan Islam yang moderat. Kumpulan JI memahami bahawa operasi keganasan yang dilakukan itu adalah satu misi suci bagi memperjuangkan agama atas alasan berjihad. Mereka meyakini bahawa jihad adalah berperang dengan Amerika Syarikat dan sekutunya yang dianggap sebagai musuh utama umat Islam di mana sahaja mereka berada. Berperang melawan musuh-musuh Islam adalah satu kewajipan dalam membela umat Islam yang ditindas dan negara Islam yang dijajah oleh Barat. Sehubungan dengan itu, kumpulan JI yang berfahaman *Salafiah Jihadiyah* akan terus berjihad sehingga sanggup menjadi pengebom berani mati bagi membela umat Islam di dunia ini atau mati syahid di lapangan sebagai ‘jalan mudah untuk ke syurga’. Walaupun mereka hanya diwakili oleh peratusan kecil umat Islam di negara ini, namun kegiatan keganasan yang dilakukan oleh mereka telah mendatangkan ancaman dan implikasi yang serius terhadap keselamatan negara. JI akan terus berjihad untuk menubuhkan ‘negara Islam’ dan akan menentang musuh-musuh Islam sehingga mereka berhenti menzalimi umat Islam atau mati syahid di lapangan. Sehubungan dengan itu, selagi tidak dapat diwujudkan sebuah ‘negara Islam’, selagi itu akan wujud kumpulan radikal Islam serta akan terus menjadi ancaman kepada keselamatan negara dan rantau ini.

BIBLIOGRAFI

- Abd. Aziz bin Hussin, 2009. *Salafiyah Jihadiyah dan keganasan politik: Kajian terhadap Jemaah Islamiyah (JI)*, Tesis Sarjana Sains Sosial, Fakulti Sains Sosial dan Kemanusiaan, Universiti Kebangsaan Malaysia, Bangi.
- Abdullah Azzam, 1990. *Tarbiyah Jihadiyah (Jld 1-12)*, Terjemahan 'Abdulrahman (1996), Pustaka al-'Alaq, Solo, Indonesia.
- Government of Singapore, 2003. "The Jemaah Islamiyah Arrest and The Threat of Terrorism", *White Paper*, Parliament of Republic of Singapore.
- ICG Report, 2004. *Indonesia Backgrounder*: "Why Salafism and Terrorism Mostly Don't Mix", No. 83, Sept. 2004.
- Iman Samudra, 2004. *Aku Melawan Teroris*, Jazera, Solo, Indonesia,
- Khamami Zada, 2005. "Terrorisme dan gerakan Islam Malaysia", *KOMPAS*, 2 Dis 2005.
- Kumar Ramakrishna, 2004. *Constructing The Jemaah Islamiyah Terrorist: A Preliminary Inquiry*, Institute of Defence and Strategic Studies, Singapore.
- Kumar Ramakrishna, 2005. *Delegitizing Global Jihadi Ideology in Southeast Asia*, Contemporary Southeast Asia, 27:3
- M.Musa, 2008. *Buku Tarbiyah Jihadiyah sumber ideologi gerakan Salafiyah Jihadiyah di Malaysia*, Tesis Sarjana Sains Sosial, Fakulti Sains Sosial dan Kemanusiaan, Universiti Kebangsaan Malaysia, Bangi.
- Mohd Huzsaire Jantan, 2005. *ASEAN Combating Terrorism: A Comparative Study*, Project Paper for M.A. Degree, Fakulti Sains Sosial dan Kemanusiaan, Universiti Kebangsaan Malaysia.

Nasir Abas,2005. *Membongkar Jamaah Islamiyah. Pengakuan mantan anggota JI*, Jakarta: Grafindo Khazanah Ilmu.

Oliver H.J, 2003. *The 'Wahabi Myth': Dispelling Prevalent Fallacies and The Fictions Link*, UK: Trafford Publishing.

Poer, Blontak, 2003. "Tracking the Roots of Jamaah Islamiyah", *The Jakarta Post*, 8 Mac, 2003.

Ruthen Malise,2002. *A Fury For God: The Islamist Attack on America*, London and New York: Granta.

Shafee Ibrahim Hamid, 1998. *Jihad. Jalan Tunggal Menuju Khilafah*, Selangor: Pustaka al-Qalam.

US Department of States, 2004. Kumpulan Mujahidin Malaysia (KMM), *Patterns of Global Terrorism*, April 2004.

Usamah bin Laden, 2004. *Nasehat dan Wasiat kepada Umat Islam Dari Syaikh Usamah bin Laden*,terjemahan TSIS Bifisa, Jawa Tengah: Granada Mediatama.